

# PENANGGUHAN URUS NIAGA



## AMANA SAHAM 1MALAYSIA (AS 1MALAYSIA)

Tempoh Penangguhan :	27 hingga 30 September 2017
Tujuan Penangguhan :	Pengiraan Pengagihan Pendapatan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 September 2017
Pembukaan Semula Urus Niaga :	1 Oktober 2017

Pemegang unit dinasihatkan untuk mengemaskini alamat surat-menyurat bagi tujuan penghantaran dokumen ke alamat yang betul dan terkini.

**ASNB**

*Pilihan Pelabur Bijak*

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**Jabatan Pengurusan Ejen & Perhubungan Pelanggan**

Tel: 03-2057 3000 E-mel: asnbcare@pnb.com.my

Prospektus Induk tabung unit amanah ASNB bertarikh 30 Jun 2017, telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sebelum melabur, pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus tersebut dan Halaman Serlahan Produk yang boleh diperolehi di laman sesawang ASNB [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) dan juga di cawangan ASNB dan ejennya. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan yuran dan bayaran yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika dibayar, mungkin turun atau naik. Pelaburan dalam unit amanah adalah tertakluk kepada risiko pelaburan dan lain-lain risiko am seperti yang terkandung di dalam Prospektus. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Pelabur yang ingin mengetahui maklumat penting mana-mana tabung unit amanah ASNB boleh mendapatkan Halaman Serlahan Produk yang telah dikeluarkan oleh ASNB di pejabat ASNB dan ejennya.

### Maklumat Penting:

Berkuat kuasa 1 Januari 2017, urus niaga pelaburan tambahan dan jualan balik dalam tabung unit amanah yang sama pada hari yang sama (SDT) adalah tidak dibenarkan.

Sila maklum, mulai 28 Jun 2017, bagi memudahkan para pelabur dan mempercepatkan proses urus niaga, ASNB telah melaksanakan urus niaga tanpa buku pelaburan bagi semua Unit Amanah ASNB. Pemegang unit / penjaga berdaftar hanya perlu membawa MyKad untuk semua jenis urus niaga ASNB di semua cawangan ASNB dan ejen. Penyata Terperinci Pelaburan Tunai (PTPT) atau Penyata Pegangan Pelaburan Unit Amanah (PPPUA) akan dikeluarkan di atas permintaan pemegang unit / penjaga berdaftar bagi tujuan semakan pelaburan.

[www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

**PNB**

Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

**ASNB**

Amanah Saham Nasional Berhad

(47457-V)

Anak syarikat milik penuh PNB